

Tarikh : 11 Mac 2009

Semua ahli Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia
Cawangan Terengganu

NOTIS KENYATAAN

**MESYUARAT AGUNG CAWANGAN
PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU KALI KE-20
(MAC PSSCMCT KE-20)**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa MAC PSSCMCT KE-20, menurut fasal 17 Perlembagaan PSSCM, akan diadakan sebagaimana berikut:-

Tarikh : **27 Mac 2009 (Jumaat)**
Masa : **8.00 malam**
Tempat : **Dewan Seri Budi,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu**
Pakaian : **Kemeja Bertali Leher (Lelaki)/ Yang Bersesuaian (Wanita)**

Agenda mesyuarat adalah seperti berikut:-

1. *Perlantikan Pengerusi Mesyuarat.*
2. *Perlantikan Setiausaha Sementara sebagai pencatat minit mesyuarat.*
3. *Pembentangan dan pengesahan minit MAC PSSCMCT ke-19 (sesi 2008/2009).*
4. *Perkara-perkara berbangkit.*
5. *Pembentangan dan penerimaan Laporan Aktiviti PSSCMCT bagi sesi 2008/2009.*
6. *Pembentangan dan penerimaan Penyata Kewangan PSSCMCT bagi tahun berakhir pada 31 Dis 2008.*
7. *Bersetuju-menerima, menerima-pakai dan mengesahkan (Ratify) segala keputusan dan tindakan yang telah diambil oleh Ahli Jawatankuasa Cawangan hasil dari mesyuarat jawatankuasa yang diadakan sepanjang sesi 2008/2009.*
8. *Perisytiharan pembubaran Jawatankuasa Cawangan sesi 2007/2009.*
9. *Perlantikan Jawatankuasa baru Cawangan bagi dua tahun sesi 2009/2011.
Menurut Fasal 18.2 perlembagaan PSSCM;*
 - i. *Yang DiPertua*
 - ii. *Naib Yang DiPertua*
 - iii. *6 orang Ahli Jawatankuasa*
10. *Perlantikan 2 orang juruodit.*
11. *Pemilihan 20 orang wakil cawangan sebagai perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan PSSCM kali ke-37 (MAP 37).*



12. *Membincangkan usul-usul, termasuk usul cawangan untuk dibawa ke MAP 37, sekiranya ada.*
13. *Pemilihan Pengerusi Tetap MAC PSSCMCT ke-21.*
14. *Ucapan penangguhan.*

Lain-lain:

a) Usul

Sebarang usul yang hendak dikemukakan pada mesyuarat berkenaan hendaklah dihantar terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan selewat-lewatnya 3 (tiga) hari sebelum tarikh mesyuarat.

b) Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan

Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan boleh didapati di cawangan mulai 25 Mac 2009.

c) Yuran Tahunan

Pastikan yuran keahlian bagi tahun 2009 iaitu sebanyak RM12.00 telah dijelaskan. Sila berhubung dengan Bendahari Cawangan bagi urusan semakan dan pembayaran.

Sekian, harap maklum.

“KEASLIAN BUDAYA MEMBINA BANGSA”

Yang menjalankan tugas,

OTHMAN ABDUL AZIZ
Setiausaha PSSCMCT

- s.k:
1. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu
 2. Presiden/Guru Utama PSSCM
 3. Setiausaha Agung PSSCM
 4. YDP PSSCMCT
 5. Fail MAC-20